

24/05/2002

Pelajar Melayu mampu kikis stigma 'harapkan kuota'

Azhar A Samah

KETIKA cadangan sistem meritokrasi akan digunakan bagi pemilihan pelajar ke institusi pengajian tinggi awam (IPTA) diuar-uarkan pada Ogos tahun lalu, masyarakat Melayu kelihatan begitu gusar peluang anak mereka melanjutkan pelajaran semakin sukar kerana terpaksa bersaing mendapatkan tempat yang terhad.

Ketika itu jugalah pemimpin bukan Melayu 'berkokok' dan mengeluarkan kenyataan menyokong cadangan itu demi persaingan sihat tanpa kuota.

Alasan mereka ialah persaingan perlu adil atas dasar 'a level playing field' (padang yang sama rata).

Apabila sistem meritokrasi dilaksanakan tahun ini, sekali gus menyaksikan lebih ramai pelajar Bumiputera layak ke IPTA selepas 'diugut' akan diambil tempat mereka oleh kaum lain, sekali lagi kelihatan pemimpin pembangkang yang memperjuangkan kepentingan kaumnya melatah kerana tidak percaya anak Bumiputera mengatasi kaum lain melangkah kaki ke IPTA.

Kali ini slogan pembangkang bertukar daripada persaingan adil untuk memasuki IPTA kepada 'jangan membandingkan epal dengan oren' (comparing an apple to an orange).

Mereka menuntut agar Kabinet meneliti semula sistem meritokrasi yang dilaksanakan itu, termasuk tidak menyamakan kemasukan untuk matrikulasi dan lepasan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM).

Bagi menghalalkan tindakan itu, Pengerusi Kebangsaan DAP, Lim Kit Siang, turut mengheret nama Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu, yang dipetik sebagai berkata, beliau sejak dulu lagi menentang pelaksanaan sistem meritokrasi itu, sebaliknya mahu sistem kuota yang dilaksanakan sebelum ini 55:45:10 diteruskan.

Ini bersandarkan kepada jumlah kemasukan pelajar kaum India ke IPTA tahun ini turut mencatatkan penurunan.

Malah, Samy Vellu dalam kenyataannya berkata, beliau akan mengemukakan kertas kerja kepada Kabinet supaya sistem kuota diperkenalkan semula berikutan jumlah penuntut India yang layak ke IPTA berkurangan apabila sistem meritokrasi mula dilaksanakan tahun ini.

Beliau dilaporkan akan meminta campur tangan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, bagi membantu pelajar India yang tercicir selain meminta pelajar India diberikan pertimbangan khas untuk memasuki IPTA.

Baru-baru ini, Kementerian Pendidikan mengumumkan seramai 32,752 lepasan STPM dan kelayakan setaraf, termasuk 22,557 atau 68.9 peratus pelajar Bumiputera, dipilih melanjutkan pelajaran pada peringkat ijazah pertama di 17 IPTA tahun ini.

Seramai 2,690 lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) pula ditawarkan mengikuti 42 program peringkat ijazah pertama di Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

Pengarah Jabatan Pendidikan Tinggi, Prof Dr Hassan Said, dalam pengumuman itu, berkata pemilihan pelajar lepasan STPM dan SPM untuk memasuki IPTA tahun ini dibuat berasaskan sistem merit sepenuhnya, bukan sistem kuota mengikut kaum seperti diamalkan sebelum ini.

Mengikut sistem kuota, sebanyak 55 peratus tempat di IPTA dikhususkan untuk Bumiputera manakala 45 peratus lagi bukan Bumiputera.

Ini bermakna tanpa sistem kuota, pelajar Bumiputera masih mampu menyaingi pelajar bukan Bumiputera berdasarkan pencapaian akademik.

Pada Ogos tahun lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad,

mengumumkan kerajaan akan mengambil pendekatan radikal bagi menyelamatkan pelajar Melayu daripada belenggu gejala sosial, keruntuhan moral, keciciran dan masalah pelajar lelaki di institusi pengajian tinggi.

Antara pendekatan itu termasuk mengetatkan syarat kemasukan pelajar Bumiputera ke IPTA, iaitu berdasarkan kecemerlangan (meritokrasi) dan tanpa bantuan kerajaan.

Menerusi kaedah itu, pemilihan calon memasuki IPTA tidak lagi menggunakan markah kokurikulum kecuali apabila berlaku dua atau lebih calon mendapat markah akademik yang sama.

Mengulas mengenai peningkatan kemasukan pelajar Bumiputera ke IPTA tahun ini, Dr Hassan berkata, peningkatan kemasukan pelajar Bumiputera lepasan STPM ke IPTA sebanyak 68.9 peratus, membuktikan kebimbangan kemungkinan mereka tercicir berikutan pelaksanaan pemilihan berasaskan sistem merit, adalah meleset.

"Selepas Perdana Menteri menyatakan pemilihan ke universiti dibuat berasaskan merit, usaha pelajar Bumiputera nampaknya meningkat.

"Saya melihat perkembangan di kolej matrikulasi dan mendapati pencapaian mereka pada semester pertama dan kedua meningkat begitu baik sekali.

"Dengan amaran supaya berdaya saing dan memberi tumpuan kepada pelajaran, saya rasa ia akan dapat menghasilkan suasana persaingan sihat antara kaum. Inilah yang kita inginkan dalam sistem kita," katanya.

Hakikatnya, kemampuan pelajar Bumiputera mendominasi kemasukan ke IPTA tahun ini sukar diterima sebagai sesuatu yang hakiki oleh kaum lain kerana selama ini pelajar Bumiputera sering dilabel dan dimomokkan sebagai 'bangsa yang bergantung kepada kuota' dan mendapat hak keistimewaan Melayu.

Inilah stigma yang sukar dipisahkan daripada kaum lain, termasuk pemimpin mereka sama ada mewakili parti politik atau tidak, kerana bagi mereka sukar untuk melihat anak Melayu mengatasi kaum lain dalam pelbagai bidang.

Jarang sekali kedengaran pemimpin Melayu mempersoalkan kenapa anak bangsa mereka gagal ke universiti walaupun layak.

Namun, sering kedengaran pemimpin bukan Melayu mempersoalkan pemilihan ke universiti apabila mendapati permohonan anak bangsa mereka gagal, sekali gus mendesak pihak tertentu memberikan alasan kenapa ia berlaku.

Pelaksanaan meritokrasi sebagaimana yang mereka mahu sudah dilaksanakan, namun ia masih dilihat tidak telus.

Ketegasan Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamad, dalam isu ini amat dihargai kerana ia membabitkan kewibawaan kementerian yang diterajui, lebih-lebih lagi ia membabitkan soal ketelusan sistem meritokrasi yang buat pertama kali dilaksanakan.

Beliau bukan setakat menampel sikap pihak tertentu yang mempertikaikan ketelusan sistem meritokrasi apabila melihat ramai pelajar Bumiputera layak masuk ke IPTA tahun ini, malah melihatnya sebagai cuba bermain api dengan isu perkauman, sekali gus mahu menimbulkan suasana yang kurang sihat dalam masyarakat.

Baginya, tindakan mempersoalkan ketelusan sistem meritokrasi itu sesuatu yang tidak sihat dan boleh mengeruhkan suasana dalam masyarakat berbilang kaum.

"Ini akan menimbulkan satu reaksi yang tidak baik. Perkara yang elok menjadi tidak elok pula," katanya sambil menambah tuduhan seumpama itu menunjukkan ada pihak yang kurang percaya dengan kebolehan pelajar Melayu mencapai keputusan cemerlang dalam pelajaran.

Kita percaya, tuduhan tidak telus tidak akan timbul apabila kemasukan ke IPTA berlaku sebaliknya, apabila peratusan besar pelajar Melayu tidak layak dan didominasi oleh kaum lain.

Syak wasangka akan terus muncul selepas ini walaupun kerajaan mengambil

pendekatan untuk memperbaiki lagi sistem meritokrasi ini.

Seperti kata Musa, tuduhan sedemikian hanya terhenti jika mendapati kaum yang diwakili pihak yang membuat tuduhan itu berjaya mengatasi kemampuan pelajar Bumiputera.

"Jika puak itu yang mendapat lebih banyak peratus, mereka tidak akan persoalan mengenai ketelusan," katanya.

Kesediaan Musa untuk mengeluarkan satu kenyataan berhubung pelaksanaan sistem meritokrasi serta kaedah pemilihan pelajar ke IPTA tahun ini diharap dapat memberikan gambaran sebenar, sekali gus dapat menghentikan tohmahan pembangkang kononnya sistem itu 'memihak kepada kaum Bumiputera'.

Malah, Musa juga boleh menjelaskan kepada Lim kenapa 1,868 permohonan pelajar kaum Cina dan 1,007 pelajar kaum India untuk kemasukan ke IPTA ditolak bukan atas alasan mereka kaum Cina atau India semata-mata.

Bagi pelajar yang tidak diterima masuk ke IPTA, mereka masih ada peluang melanjutkan pelajaran ke institusi pengajian tinggi swasta (IPTS).

Perlu diakui, kerajaan tidak mampu menyediakan tempat untuk semua yang layak ke IPTA.

Soal tidak mampu untuk ke IPTS tidak lagi timbul kerana kerajaan sudah menyediakan pelbagai cara, termasuk menyediakan dana melalui Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) untuk kegunaan pelajar.

Paling menarik, sistem kuota yang dilaksanakan dulu bukan saja menguntungkan pelajar Melayu, malah ia turut dinikmati pelajar keturunan India.

Sekali lagi alasan 'a level playing field' digunakan untuk menjaga kepentingan kaum masing-masing.

(END)